

Soalan 1

Buah kurma atau nama saintifiknya *Phoenix dactylifera* merupakan makanan yang menjadi amalan pemakanan Rasulullah Salla Allah ‘Alayh wa sallam. Khasiatnya yang begitu tinggi menjadikan ia antara makanan terbaik sepanjang zaman.

Jelaskan beberapa panduan pemakanan buah kurma yang dianjurkan oleh Rasulullah Salla Allah ‘Alayh wa sallam dan nyatakan kelebihan buah tamar menurut perspektif saintifik.

Soalan 2

Syariat Islam menuntut perbuatan ihsan kepada setiap makhluk termasuklah kepada tumbuhan dan haiwan. Huraikan panduan Islam dalam menyempurnakan ibadah sembelihan dan nyatakan kelebihan serta hikmah yang terkandung di dalamnya.

Skema Jawapan:

Soalan 1

1. Memakan kurma ajwah sebanyak tujuh biji pada waktu pagi menghindar diri daripada sihir dan racun.
2. Rasulullah kebiasaannya berbuka puasa dengan kurma basah (*rutob*) dan air zam2.
3. Kurma sebagai ubat kurang darah (anemia) kerana mengandungi mineral yang tinggi.
4. Nabeez atau rendaman kurma bertindak sebagai *detox* bagi melancarkan system penghadaman.

5. Memberi kesan relaksasi kepada saraf kerana vitamin A dan B1 yang memperkuat saraf.
6. Menstabilkan kadar keasidan perut kerana kaya dengan garam alkali seperti kalsium dan potassium.

Soalan 2

1. Menyebut nama Allah dan berlaku ihsan kepada haiwan.
2. Menajamkan alat sembelihan
3. Tidak memberi tekanan (stress) kepada haiwan dan melakukan kekasaran.
4. Mematikan dengan memutuskan urat leher tempat masuknya makanan dan pernafasa.
5. Islam melarang mematikan haiwan dengan cara tikaman bengis atau hentakan yang kuat yang diarahkan kepada organ tubuh yang penting seperti jantung dan otak.
6. Tidak memotong sehingga putus leher untuk pastikan darah mengalir keluar dengan sempurna. Potongan hingga putus menyebabkan signal atau arahan dari otak untuk proses mengeluarkan darah terhenti serta merta dan mengakibatkan darah masih terkumpul dalam badan haiwan yang menjadikan daging haiwan tidak selamat untuk dimakan.
7. Haiwan yang tidak disembelih dan diurus dengan cara Islam mengandungi zat beracun atau asid urine yang tinggi terhasil daripada pengumpulan darah dalam haiwan selepas dimatikan dengan cara yang tidak betul. Zat-zat asid menjadikan daging cepat rosak dan beracun.